



TEKS SEMBAH UCAPAN

YB TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
Menteri Wilayah Persekutuan

**MALAM DEKLAMASI PUISI PUTRAJAYA
BERSEMPENA
SAMBUTAN JUBLI PERAK PUTRAJAYA**

**18 Januari 2019 | Sabtu
8.15 Malam**

**Auditorium Cempaka Sari,
Kompleks Perbadanan Putrajaya,
Presint 3**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Assalamualaikum W.B.T. Salam Sejahtera dan Selamat Pagi.

Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajjah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Hai.

Ampun Tuanku beribu ampun,
Sembah patik pohon diampun.

1. Terlebih dahulu patik dengan penuh hormat dan takzimnya, merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong bercemar duli berangkat ke majlis ini serta memeriah-serikan lagi Malam Deklamasi Puisi Putrajaya pada malam yang cukup bermakna ini.
 2. Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku ke majlis yang bersejarah ini merupakan manifestasi keprihatinan yang murni terhadap seni dan budaya terutamanya dalam bidang sajak dan puisi.
 3. Ianya juga merupakan simbolik kepada kesinambungan tradisi keperihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku terhadap kesejahteraan dan kemakmuran hamba rakyat di bawah naungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku.

Ampun Tuanku,

4. Patik mohon limpah perkenan Tuanku untuk menyembah maklum bahawa Malam Deklamasi Puisi Putrajaya pada malam ini adalah merupakan acara pembuka tirai bagi Sambutan Jubli Perak Putrajaya yang akan diraikan dengan penuh kemeriahian di sepanjang tahun 2020 bersempena 25 tahun penubuhan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan sejak tahun 1995.

5. Seluruh warga Putrajaya khususnya dan Malaysia amnya pasti tertunggu-tunggu detik sambutan penuh bersejarah ini kerana Putrajaya merupakan simbol kejayaan perancangan dan pembangunan bandar yang begitu ampuh dan membanggakan negara.
6. Penubuhan Putrajaya bukan sahaja memusatkan pentadbiran kerajaan persekutuan malah turut menarik minat negara-negara luar untuk menjadikannya contoh dan model pembangunan dan pentadbiran sesebuah negara.
7. Justeru itu, Sambutan Jubli Perak Putrajaya yang julung-julung kali diadakan ini turut memberi fokus kepada pemerkasaan bahasa kebangsaan Malaysia, pembudayaan seni sastera dan budaya yang menjadi jiwa sesebuah bangsa.
8. Berpaksikan usaha ini, Perbadanan Putrajaya dan Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) telah menjayakan Sayembara Mencipta Puisi Putrajaya dengan penyertaan sebanyak 190 buah karya puisi yang telah diterima.
9. Sejumlah 25 buah karya terbaik hasil dari sayembara tersebut telah dipilih bersama-sama 6 buah karya sumbangan Sasterawan-Sasterawan Negara dan 4 karya dari juri pertandingan serta Lembaga Pengelola DBP untuk dimuatkan dalam senaskhah buku himpunan puisi-puisi berkaitan Putrajaya.
10. Naskhah keluaran khas sempena Sambutan Jubli Perak ini menandakan komitmen Putrajaya untuk sentiasa memastikan seni budaya dan warisan kekal subur seiring dengan kemajuan dan pertumbuhan pesat yang sedang kita kecapi. Turut membanggakan apabila naskhah himpunan puisi ini turut memuatkan puisi hasil karya Sasterawan Negara iaitu A. Samad Said, Muhammad Haji Salleh, Anwar Ridhwan, Kemala, Zurinah Hassan dan Siti Zainon Ismail. Pengurus Lembaga Pengelola DBP, Profesor Datuk Dr. Mohamed Hatta Shaharom juga turut menyumbangkan sebuah puisi dalam buku ini.

11. Nama-nama besar ini pastinya menjadi sumber inspirasi kepada kita semua terutamanya generasi muda dalam memupuk minat dan bakat dalam bidang seni budaya.

Ampun Tuanku,

12. Demikianlah berakhirnya sembah ucapan patik. Patik serta seluruh ahli jawatankuasa penganjur sekali lagi dengan penuh hormat dan takzimnya merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku berkenan bercemar duli berangkat ke majlis ini.
13. Sesungguhnya, yang baik dan sempurna itu, datangnya dari Allah s.w.t. dan segala kekurangan itu datang dari kelemahan dari patik-patik sekalian. Patik juga berdoa kehadrat Allah s.w.t. semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku sentiasa dalam pemeliharaan Allah s.w.t, dengan kemuliaan dan kebesaran serta barang dilanjutkan usia zaman pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajjah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj di atas takhta kerajaan, memerintah dengan adil dan saksama sebagai pelindung keamanan dan kesejahteraan rakyat sekalian.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun

Sembah patik pohon diampun.

Patik menjunjung kasih Tuanku,

Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahhmatullahi wabarakatuh.